

20/12/1999

Negara sedia bantu selesai krisis Aceh

Amad Bahri Mardi

KOTA TINGGI, Ahad - Malaysia bersedia memainkan peranan bagi membantu mencari penyelesaian di wilayah Aceh jika diperlukan oleh Indonesia, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, sebagai negara jiran terdekat, Malaysia pada dasarnya bersedia pada bila-bila masa menghulurkan bantuan kepada Indonesia, termasuk menjadi 'orang tengah' dan 'pendamai' terhadap isu yang berlarutan itu.

"Malaysia juga bersedia menjadi tuan rumah jika kedua-dua pihak yang bertelagah ingin mengadakan perjumpaan di negara ini bagi menyelesaikan isu terbabit.

"Perkara ini adalah masalah dalaman Indonesia dan kita percaya mereka mempunyai formula sendiri untuk menanganinya. Tetapi jika mereka meminta kita memainkan peranan, perkara itu boleh dilaksanakan.

"Kita mempunyai sikap terbuka ... yang pentingnya ialah kita mahu melihat Indonesia kembali seperti sediakala, ekonominya pulih semula dan integriti Indonesia sebagai sebuah negara dapat dipertahankan setiap masa," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata demikian kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di kediamannya, di sini malam tadi. Kira-kira 300 ahli Umno cawangan dan Bahagian Kota Tinggi turut hadir.

Syed Hamid berkata, perkara itu pernah disentuh Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur pada pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke Malaysia, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, Wisma Putra masih di peringkat kajian berasaskan apakah bentuk bantuan yang mereka mahukan daripada negara ini.

Syed Hamid berkata, sebagai negara jiran, apa yang berlaku di republik itu turut dirasakan kesannya oleh Malaysia.

Oleh itu, katanya, hubungan erat antara kedua-dua negara perlu terus terjalin dan hubungan mesra itu sudah pun terjalin antara Gus Dur dengan Dr Mahathir serta pemimpin yang terdahulu.

"Asas ini penting untuk kita mencapai matlamat bersama bagi mencari kedamaian di rantau ini," katanya.

(END)